

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 15 MEI 2007, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 7

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1141-L2063
Dato' Gooi Hoe Hin minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan sama ada sasaran pelaksanaan Time 1 dan Time 2 bagi syarikat-syarikat telekomunikasi telah dicapai dan apa tindakan yang akan diambil supaya liputan adalah lebih memuaskan serta sempurna.
2. PN-1141-L2636
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa tidak ada garis panduan cara berpakaian untuk wanita Islam, sehinggakan cara memakai tudung merupakan satu fesyen dan tidak seperti yang dituntut dalam Al-Quran.
3. PN-1141-L2584
Tuan Rawisandran a/l Narayanan minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk menjadi orang tengah dalam membantu usaha menangani konflik di Sri Lanka.
4. PN-1141-L2889
Dato' Omar bin Faudzar minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan mengapakah syarikat besar milik bumiputera, bukan bumiputera dan antarabangsa tidak begitu berminat untuk menyokong pembangunan vendor (tempatan).
5. PN-1141-L2048
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah peruntukan yang disalurkan kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli bagi tahun 2006 sehingga kini dan bagaimana peruntukkan ini disalurkan kepada kumpulan sasar dan jenis perbelanjaan yang diperuntukkan.

6. PN-1141-L2699
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mengapakah Kementerian tidak mengadakan suatu tempat khas untuk latihan pusat bagi pegawai penguat kuasa semua pihak berkuasa tempatan supaya ada keseragaman dalam latihan dan tindakan mereka kemudahan tersebut juga boleh menjimatkan kos bagi PBT yang tidak ada kemudahan latihan untuk kakitangan mereka.
7. PN-1141-L2548
Dato' Rhina Bhar minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah pihak Kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan akta-akta yang mendiskriminasikan wanita di mana akta ini belum dipinda semenjak Artikel 8 Perlembagaan Persekutuan dipinda, yang telah memberi hak yang saksama pada wanita-wanita di negara ini.
8. PN-1141-L2798
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan program-program pembangunan modal insan yang telah dan akan dilaksanakan untuk menggalakkan kerjaya sektor perladangan dan komoditi.
9. PN-1141-L2875
Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan strategi secara dasar visi dan misi bagi menjana pembangunan negara menjelang tahun 2057 khususnya dari aspek kualiti pembangunan tenaga insan yang dapat dihayati oleh semua lapisan masyarakat untuk sama-sama komited dengan menjadikan perpaduan kaum dan integrasi nasional sebagai tunggak kejayaan negara pada masa hadapan.
10. PN-1141-L2231
Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan mengapakah masih terdapat kawasan yang tidak diliputi rangkaian telekomunikasi tanpa wayar sedangkan ia merupakan syarat utama kepada setiap pengendalian rangkaian di Malaysia.
11. PN-1141-L2838
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Kerajaan berhasrat untuk memastikan satu piawaian wujud di dalam mengemaskinikan papan tanda arah jalan seluruh negeri termasuk jalan-jalan yang telah diswastakan.
12. PN-1141-L2303
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan mengapa Kerajaan masih gagal melaksanakan penetapan pembayaran RM2,400 kepada majikan yang mahu mengambil pembantu rumah daripada Indonesia dan bagaimanakah Kerajaan mengatasi masalah kebanjiran pembantu rumah berkualiti rendah dan sering pula melarikan diri daripada majikan.

13. PN-1141-L2834
Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perbezaan pendapatan secara purata antara kaum di bandar dan di luar bandar.
14. PN-1141-L2235
Datuk Dr. Lee Chong Meng minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :-
 - (a) selepas projek SMART disiapkan di Kuala Lumpur, adakah Kementerian pasti bahawa banjir kilat tidak akan berlaku lagi ; dan
 - (b) adakah laluan alternatif SMART ini selamat digunakan oleh pengguna-pengguna kelak.
15. PN-1141-L2295
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk membendung kegiatan penipuan trip/pakej pelancongan ke luar negara oleh sindiket atau individu dan apakah tindakan undang-undang yang telah diambil terhadap mereka.
16. PN-1141-L2529
Puan Mumtaz binti Md. Nawi minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah pro aktif di peringkat Kementerian bagi mewujudkan kumpulan pengkaji secara serius tentang SOHO untuk menjadikan wanita berpendidikan bekerja dari rumah sebagai satu kenyataan.
17. PN-1141-L2088
Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan tidakkah Kementerian bercadang untuk mengkaji semula kaedah telefon bimbit pra-bayar menggunakan sistem Touch & Go, beli dan guna hingga habis.
18. PN-1141-L2119
Tuan Hii Tiong Kuoh minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah usaha Kementerian untuk menambah penerbangan sama ada dalam negeri mahupun antarabangsa di Sarawak, khususnya di Bintulu.
19. PN-1141-L2692
Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah peranan positif yang dapat dimainkan oleh Bank Negara dalam memantau aktiviti peminjam wang tanpa berlesen (unlicensed Moneylenders) dan kegiatan Ah Long khususnya. Adakah perlu lesen-lesen peminjam wang di bawah Akta Pinjaman Wang (Moneylending Acts) diambil alih oleh BNM dan bukannya di bawah penguasaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

20. PN-1141-L2161
Tuan Lee Chee Keong minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jenis-jenis insentif yang dicadangkan untuk menarik pelabur-pelabur asing yang bakal menyertai Rancangan Wilayah Pembangunan Iskandar, Johor.
21. PN-1141-L2867
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan rasional Kerajaan menetapkan harga siling yang dibenarkan bagi daging ayam sebanyak RM6.50. Harga "ex-farm" ayam hidup pada masa ini ialah RM3.00 hingga RM4.00 sekilo. Mengambil kira kos pengangkutan hanya 20 sen hingga 35 sen seekor, bukankah meletakkan harga siling hanya menguntungkan orang tengah dan bukan penternak. Tidakkah lebih munasabah penetapan harga mengikut tawaran permintaan (supply and demand) atau pasaran semasa (market forces).
22. PN-1141-L2731
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan usaha Kementerian dalam Rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) antara Malaysia dan Amerika Syarikat (AS) telah mendapat bantahan segelintir rakyat, sejauh manakah Perjanjian tersebut bermanfaat kepada negara kita.
23. PN-1141-L2700
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan pihak manakah yang boleh menentukan untuk membebaskan orang yang kena tahan di bawah Ordinan Darurat atau dibuang daerah. Apakah faktor-faktor yang diambil kira sebelum sesuatu keputusan dibuat mengenai seseorang yang kena tahan di bawah Ordinan Darurat.
24. PN-1141-L2137
Datuk Chew Vun Ming minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil bagi menyelesaikan masalah penebangan hutan secara berleluasa di hutan-hutan serta pencemaran sungai di negara ini di mana secara tidak langsung telah menyumbang kepada masalah pencemaran alam sekitar yang teruk.
25. PN-1141-L2537
Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-
- (a) di dalam banyak aktiviti yang dirancang dan telah pun dilaksanakan melalui Majlis Pembangunan Wanita, apakah perkembangan positif yang banyak membantu pembangunan keluarga; dan

- (b) "Satu Keluarga Satu Kaunselor" adalah satu program yang baik. Bagaimanakah ia boleh dilaksanakan di peringkat akar umbi.
26. PN-1141-L2908
Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan angka untuk pengangguran siswazah bagi tahun 2006 dan sejauh manakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian berjaya mengurangkan kadar pengangguran ini.
27. PN-1141-L2038
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai, status dan tahap kemajuan berhubung projek FELDA JAYA.
28. PN-1141-L2811
Dato' Azian bin Osman minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan jumlah penyiaran iklan arak di dalam media terutamanya majalah dan akhbar dalam tempoh tiga (3) tahun sejak 2004 sehingga 2006, kesannya kepada penjualan arak dalam tempoh yang sama dan apakah Kerajaan akan mengawal penyiaran ini di dalam usaha membentuk rakyat yang lebih cemerlang.
29. PN-1141-L2160
Tuan Lee Chee Keong minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan usaha-usaha Kementerian dalam membantu dan meneliti masalah-masalah pencarian pekerja-pekerja kita setelah 46 buah syarikat pelabur asing berundur meninggalkan Malaysia sejak 2004.
30. PN-1141-L2189
Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada pihak Kementerian sedar dengan menempatkan pegawai PTD di peringkat Jabatan Pelajaran Negeri, secara tidak langsung akan menjejaskan peluang kenaikan pangkat warga pendidik.
31. PN-1141-L2770
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-
- (a) mengenai penyaluran bantuan kebajikan kepada ibu tunggal, warga tua di kawasan luar bandar dan apakah sesuai perkhidmatan bergerak diadakan untuk memudahkan penyaluran bantuan kebajikan khususnya kawasan luar bandar di negeri Sabah; dan
- (b) bagaimanakah cara penyalurannya kerana pada masa ini terdapat bantuan yang di sampaikan keciciran dan bagaimanakah cara pelaksanaannya.

32. PN-1141-L2807
Dato' Azian bin Osman minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah sekolah di seluruh negara yang telah mempunyai makmal komputer, jumlah makmal komputer yang masih terbengkalai, aplikasi dan penggunaan makmal komputer ini di dalam pelajaran dan aktiviti berkaitan serta kesannya terhadap proses pemikiran pelajar.
33. PN-1141-L2754
Tuan Maijol bin Mahap minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat untuk menubuhkan Pusat Latihan bagi melatih warga tempatan untuk menjadi pembantu rumah.
34. PN-1141-L2734
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Program Latihan Khidmat Negara dapat menarik minat golongan muda menyertai Angkatan Tentera Malaysia terutamanya dari golongan bukan Melayu.
35. PN-1141-L2755
Tuan Maijol bin Mahap minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Kementerian mula membina cadangan jalan raya yang menghubungkan Miri dengan Limbang tanpa melalui negara jiran iaitu Brunei Darussalam.
36. PN-1141-L2021
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan di dalam memantau syarikat-syarikat yang mengiklankan pekerjaan kerana didapati mereka lebih mengutamakan pekerja berbangsa Cina daripada bumiputera.
37. PN-1141-L2149
Tuan Tay Puay Chuan minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah masalah utama yang dihadapi oleh Kementerian untuk mengadakan Perjanjian Perdagangan Bebas (Free Trade Agreement) dengan Amerika Syarikat.
38. PN-1141-L2276
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan hasil rundingan proton dengan bakal rakan kongsi dan adakah benar proton akan dijual sekiranya rundingan itu gagal.
39. PN-1141-L2915
Tuan Ahmad bin Hussin minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi menangani isu pengemis di bandar-bandar besar yang semakin bertambah dewasa ini.

40. PN-1141-L2393
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr) Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah jualan makanan di kantin sekolah mengikut garis panduan bagi memastikan makanan yang berkhasiat dijual kepada pelajar-pelajar sekolah.
41. PN-1141-L2125
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mengelak dari berlakunya kejadian kematian peserta Program Latihan Khidmat Negara yang nampaknya berlaku apabila kem bermula.
42. PN-1141-L2199
Tuan Chih Tiang Chai minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan keberkesanan Program-program Rakan Muda Wawasan Desa yang diatur untuk golongan belia dalam usaha Kerajaan untuk melengkapkan mereka dengan sikap yang positif, berpengetahuan dan berkeupayaan memimpin supaya mereka boleh mengatasi segala halangan yang dihadapi dalam arus globalisasi.
43. PN-1141-L2638
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
- (a) adakah pekerja-pekerja yang gaji mereka dipotong tetapi majikan tidak mencarum kepada PERKESO layak menerima bantuan PERKESO sekiranya mereka menghadapi sebarang kemalangan atau kecacatan; dan
 - (b) jika tidak, bagaimanakah hak mereka dijamin oleh pihak Kementerian kerana mereka sendiri telah mencarum melalui potongan gaji.
44. PN-1141-L2632
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan sempena Tahun Melawat Malaysia 2007, kenapakah dibenarkan penjualan kereta-kereta terpakai di sepanjang Jalan Ipoh berhadapan Makro Selayang di atas tanah Kerajaan sedangkan bagi Tahun Melawat Malaysia yang sebelum ini, tempat ini telah pun dibersihkan.
45. PN-1141-L2509
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan justifikasi Kerajaan tidak menurunkan harga minyak tempatan walaupun harga minyak sedunia telah turun.
46. PN-1141-L2173
Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg.Ahmad Raffae minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan bilangan rakyat asing yang bekerja di Malaysia yang telah dikeluarkan pas pekerja mengikut sektor pekerjaan.

47. PN-1141-L2480
Tuan Lee Sing Chooi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan kes aduan kepada BPR, bilangan kes siasatan BPR, bilangan kes yang dibawa ke mahkamah, kes yang dijatuhkan hukuman setiap tahun sejak tahun 2000 dan apakah sasaran dan usaha Kerajaan untuk melipatgandakan kes penyiasatan BPR.
48. PN-1141-L2448
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan usaha-usaha yang diambil bagi memastikan peminjam membayar balik pinjaman wang PTPTN kerana permasalahan ini nampaknya masih belum dapat diselesaikan sehingga sekarang ini dan apakah penekanan syarat-syarat yang lebih ketat untuk peminjam serta penjamin harus diimplementasikan supaya para peminjam membayar balik wang pinjaman dari tabung PTPTN.
49. PN-1141-L2648
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada dilakukan tapisan keselamatan dan rasuah dan kepentingan kakitangan awam lulus ujian-ujian seperti "menilai perwatakan" dan sebagainya sebelum menjawat jawatan Kerajaan dan adakah pengecualian diberikan pada kes-kes tertentu.
50. PN-1141-L2254
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat menubuhkan Kumpulan Simpanan Pendidikan Khusus bagi membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana menabung demi untuk pembiayaan kos pendidikan anak-anak yang ketika ini semakin meningkat.
51. PN-1141-L2483
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan berapakah kajian EIA telah dibuat atas cadangan perusahaan minyak dan gas di sebuah pulau di negeri Kedah dan apakah impak-impak utama yang akan dialami dan apakah keputusan Kementerian atas cadangan projek tersebut.
52. PN-1141-L2649
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kawalan serta pemantauan terhadap penjualan ubat-ubat pecahan negeri.

53. PN-1141-L2104
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) apakah Kementerian sudah menjangkakan implikasi yang bakal timbul berikutan cadangan membawa masuk Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) ke dalam Jabatan Pelajaran Negeri yang dikatakan menyekat kenaikan pangkat guru; dan
 - (b) apakah usaha membawa masuk PTD tidak akan menjejaskan peluang kenaikan pangkat guru-guru berpengalaman ke dalam JPN dan tidakkah akan berlaku kejangalan dalam perkhidmatan kerana PTD tidak mempunyai pengalaman dalam profesion perguruan.
54. PN-1141-L2453
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah pendedahan serta pendidikan yang dilakukan oleh pihak Kementerian dan pertubuhan-pertubuhan belia yang ada di Malaysia bagi menggalakkan para belia sekarang melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang berfaedah yang dianjurkan oleh pihak Kementerian.
55. PN-1141-L2609
Puan Heng Seai Kie minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan rumah orang tua yang ada di setiap negeri pada akhir tahun 2006 dan apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk menjaga golongan yang kurang bernasib baik ini.
56. PN-1141-L2576
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengenai sebarang cadangan untuk menyeragamkan bayaran yuran khas sekolah awam di seluruh negara.
57. PN-1141-L2857
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan siapakah yang bertanggungjawab untuk mengawal CEO syarikat-syarikat GLC dan menentukan KPI terhadap mereka.
58. PN-1141-L2615
Puan Heng Seai Kie minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menyemak semula Skim Gaji bagi semua staf Politeknik dan Kolej Komuniti supaya setaraf dengan staf IPTA lain.
59. PN-1141-L2436
Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah sekolah kluster yang bakal menerajui kecemerlangan dan mewujudkan dimensi baru dalam pengurusan institusi pendidikan negara.

60. PN-1141-L2367
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan tidakkah Kementerian bercadang untuk mengadakan 'Portal' memperjelaskan jenis pengajian yang ditawarkan oleh Institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bagi memudahkan pelajar-pelajar lepasan SPM dan STPM membuat pilihan jurusan yang bersesuaian dengan keputusan peperiksaan, kemahiran dan kecenderungan mereka.
61. PN-1141-L2349
Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan dalam keadaan cuaca panas kesan el-nino sekarang, tidakkah Kementerian akan membenarkan undang-undang yang lebih fleksibel bagi membenarkan kenderaan memasang cermin gelap bagi menghindar suasana panas terik ketika berada dalam kenderaan.
62. PN-1141-L2577
Dr. Raja Ram a/ K.Nadayson minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan mengenai bayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) oleh bekas pelajar pusat-pusat pengajian tinggi di seluruh negara.
63. PN-1141-L2796
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sejak kebelakangan ini KPDN & HEP giat mengadakan promosi PKS ke hypermarket dalam dan luar negara. Sehingga kini, sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai dan apakah kesannya terhadap pengusaha PKS tempatan.
64. PN-1141-L2530
Puan Mumtaz binti Md. Nawi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) bilangan kakitangan Kerajaan yang berkhidmat di seluruh negara mengikut negeri dan berpencen; dan
 - (b) apakah prosedur yang digunakan dalam mengeluarkan wang pencen kepada balu/duda kakitangan yang meninggal dunia dan hilang upaya dan berapa lama masa yang ditetapkan untuk pewarisnya mendapat manfaat.
65. PN-1141-L2339
Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan kenapakah Jabatan Parit dan Saliran meluluskan projek di bawah Jambatan Sultan Yahya Petra di Kota Bharu, yang sungai asalnya lebar telah ditimbus sehingga 20 kaki tinggi sehinggakan hampir sama dengan tinggi jambatan dan sungai luas telah menjadi sempit, tidakkah ini akan mengakibatkan banjir besar nanti.

66. PN-1141-L2416
Dato' Yip Kum Fook minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mengapakah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), dalam usaha untuk mengindahkan kawasan perbandaran telah memasang peralatan-peralatan yang mahal seperti tiang lampu dan pasu bunga sedangkan wang itu boleh digunakan untuk memajukan kawasan lain.
67. PN-1141-L2895
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah satu kajian yang terperinci telah dibuat untuk menyemak sistem gaji kakitangan awam di negara ini dengan mengambil kira kos kenaikan sara hidup.
68. PN-1141-L2198
Ir. Hiang A Li minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) adakah langkah memperkenalkan sekolah kluster oleh Kementerian akan bercanggah dengan sekolah bestari yang diamalkan lebih awal; dan
 - (b) adakah kuasa yang diberikan kepada sekolah kluster akan disalahgunakan dan apakah mekanisme yang akan digunakan oleh Kementerian untuk memantaunya.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh YB Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok** dan masalah dicadangkan:-

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kesebelas.”

Menyambung semula Perbahasan atas masalah [14 Mei 2007]

- | | | | |
|-----|----------------|---|-------------------------------|
| 2. | (D.R. 25/2006) | Rang Undang-undang Pusat Jagaan (Pindaan) 2006; | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 3. | (D.R. 44/2006) | Rang Undang-undang Industri Biobahan Api Malaysia 2006; | “ |
| 4. | (D.R. 5/2007) | Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2006) 2007; | “ |
| 5. | (D.R. 27/2006) | Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006; | “ |
| 6. | (D.R. 28/2006) | Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas)(Pindaan) 2006; | “ |
| 7. | (D.R. 38/2006) | Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2006; | “ |
| 8. | (D.R. 37/2006) | Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2006; | “ |
| 9. | (D.R. 36/2006) | Rang Undang-undang Persatuan Nelayan (Pindaan) 2006; | “ |
| 10. | (D.R. 30/2006) | Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Nasional (Pindaan) 2006; | “ |
| 11. | (D.R. 33/2006) | Rang Undang-undang Hakmilik Anak Negeri Labuan 2006; | “ |

12.	(D.R. 52/2006)	Rang undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2006;	Bacaan Kali Yang Kedua
13.	(D.R. 2/2007)	Rang undang-undang Syarikat (Pindaan) 2007;	“
14.	(D.R.3/2007)	Rang undang-undang Pelindungan Pengguna (Pindaan) 2007;	“
15.	(D.R. 4/2007)	Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2007;	“
16.	(D.R. 6/2007)	Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2007;	“
17.	(D.R. 7/2007)	Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang 2007;	“
18.	(D.R. 8/2007)	Rang Undang-undang Keadilan Jenayah (Pindaan) 2007;	“
19.	(D.R. 11/2007)	Rang Undang-undang Pasaran modal dan Perkhidmatan 2007;	“
20.	(D.R. 12/2007)	Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2007;	“
21.	(D.R. 10/2007)	Rang undang-undang Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa 2007;	“
22.	(D.R. 13/2007)	Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) (Pindaan) 2007; dan	“
23.	(D.R. 14/2007)	Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (Pindaan) 2007.	

24. PN-1141-U2092

Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin akan mencadangkan:-

"Bahawa, Ahli-ahli Dewan yang mulia ini menjunjung kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong semasa berangkat membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kesebelas yang telah menghargai Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat dalam menerajui tampuk perundangan negara;

Menyedari, seruan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong supaya Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat membuktikan kesetiaan kepada Raja dan Negara dengan menjalankan segala tugas dan kewajipan, di luar mahupun di dalam Dewan yang mulia ini dengan penuh kewibawaan dan integriti;

Maka, Dewan yang mulia ini membuat satu ketetapan supaya lagu "Negaraku" dimainkan dan dinyanyikan beramai-ramai oleh Ahli-ahli Dewan Negara termasuk pegawai-pegawai yang hadir pada setiap kali selepas bacaan doa pada setiap hari Dewan bersidang; dan ketetapan ini juga hendaklah dipanjangkan kepada Dewan Rakyat."

(Perdana Menteri)

25. PN-1141-U2323

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan segera memberikan perhatian dan bantuan yang serius terhadap nasib pekerja-pekerja Malaysia yang terkandas dan tertipu di Singapura. Tindakan tegas mestilah diambil terhadap agensi-agensi pekerjaan khususnya yang beroperasi di Malaysia. Kerajaan juga perlu mengujudkan perjanjian dua hala yang lebih ketat mengenai pengambilan pekerja-pekerja Malaysia ke Singapura."

(Menteri Luar Negeri)

26. PN-1141-U2325

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan mengambil langkah segera untuk menyelamatkan 50 Institusi Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) bumiputera yang nyawa-nyawa ikan sedangkan 700 buah lagi telah pun gulung tikar. Masalah seperti kesukaran mendapatkan pembiayaan pelajar, kekurangan pelajar, saingan daripada Institusi Latihan Awam (ILA) dan dasar yang tidak jelas sejak 2003 masih menghantui masa depan ILKS bumiputera ini."

(Menteri Sumber Manusia)

27. PN-1141-U2327

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan bertindak tegas terhadap stesen penyiaran swasta yang gagal memenuhi garis panduan penyiaran yang menetapkan sekurang-kurangnya 60% program adalah dalam Bahasa Kebangsaan. Ia adalah isu lama yang berlarutan yang berkait rapat dengan isu komitmen, penguatkuasaan dan pertindihan tanggungjawab."

(Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi)

28. PN-1141-U2329

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan mengharamkan sebarang program realiti yang pemenangnya ditentukan semata-mata oleh undian SMS. Ternyata program seumpama ini hanya bertujuan untuk mengeksploitasi orang ramai yang berbelanja secara membazir. Ia bukan sahaja gagal melahirkan pemenang yang berkualiti tetapi mengujudkan budaya yang salah dalam melahirkan idola yang sepatutnya dicontohi oleh generasi muda."

(Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi)

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2007</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.15	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaya (UM) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	15 Mei 2007
ST.16	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	15 Mei 2007
ST.19	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Putra Malaysia (UPM) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	15 Mei 2007
ST.20	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	15 Mei 2007
ST.21	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan dan Penyelidikan Perhutanan Malaysia (LPPPM) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	15 Mei 2007
ST.38	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Maktab Kerjasama Malaysia Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	15 Mei 2007
ST.69	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	15 Mei 2007
ST.70	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	15 Mei 2007